




1. Pernyataan manakah menerangkan tujuan utama sebuah perniagaan?
  - A Membina imej perniagaan
  - B Memberi keselesaan kepada pelanggan
  - C Memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan
  - D Menawarkan barang dan perkhidmatan kepada pelanggan
  
2. Apakah kaedah jualan yang digunakan untuk melaksanakan dasar pemberian subsidi kerajaan?
  - A Jualan pada harga kos
  - B Jualan secara percuma
  - C Jualan pada harga di atas kos
  - D Jualan pada harga di bawah kos

3. Apakah contoh aktiviti yang menyokong perkembangan sektor primer dan sekunder?



4. Apakah peranan kerajaan negeri?
  - A Menyediakan gerai untuk peniaga
  - B Menarik kemasukan pelabur tempatan
  - C Menggubal undang-undang perniagaan
  - D Memastikan pembinaan pembangunan selamat

5. Pernyataan manakah menunjukkan gaya pengurusan sokongan?
- A Majikan bertindak tegas dengan pekerja
  - B Majikan memberi kebebasan kepada pekerja
  - C Majikan menjaga hubungan baik antara pekerja
  - D Majikan mengamalkan toleransi dengan pekerja
6. Graf 1 berkaitan dengan kitaran ekonomi.



Graf 1

Situasi manakah yang menggambarkan keadaan **O** ?

- A Peningkatan pengangguran dalam negara
  - B Peningkatan kuantiti pengeluaran produk
  - C Peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan
  - D Peningkatan dalam tabungan pengguna
7. Antara yang berikut, yang manakah berkaitan objektif perniagaan?
- I Sasaran boleh diukur
  - II Pembentukan maklumat secara khusus
  - III Matlamat utama sebuah perniagaan
  - IV Perancangan jangka masa panjang
- A I dan II
  - B II dan III
  - C I dan IV
  - D III dan IV

8. Rajah 1 menunjukkan faktor luaran yang boleh mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif.



Rajah 1

Apakah **M**?

- A Politik
  - B Kewangan
  - C Teknologi
  - D Ekologi
9. Apakah kesan kejatuhan harga barang secara berterusan?
- A Kerajaan akan meningkatkan kadar cukai
  - B Kuasa beli pengguna bertambah
  - C Penduduk kehilangan pekerjaan
  - D Kadar faedah dinaikkan
10. Maklumat berikut berkaitan ciri objektif sebuah syarikat.

Penetapan objektif menjurus kepada peluang yang tidak mustahil untuk dicapai.

Apakah ciri tersebut?

- A Spesifik (*Specific*)
- B Munasabah (*Realistic*)
- C Boleh dicapai (*Attainable*)
- D Boleh diukur (*Measurable*)

11. Maklumat berikut diperolehi daripada kilang membuat kerepek.

	<b>RM</b>
Kos tetap	90 000
Kos berubah seunit	65
Harga seunit	110

Hitung titik pulang modal bagi kilang tersebut.

- A 2000 unit
- B 1385 unit
- C 818 unit
- D 514 unit


12. Pasangan manakah betul tentang faktor yang mempengaruhi trend persekitaran perniagaan?

	<b>Faktor Dalaman</b>	<b>Faktor Luaran</b>
A	Ekonomi	Kewangan
B	Gaya pengurusan	Teknologi maklumat
C	Sosiobudaya	Ekologi
D	Pemasaran	Undang-undang

13. Apakah peranan fungsian pengeluaran pada peringkat kawalan semasa?

- A Memeriksa kualiti produk
- B Memastikan pekerja lebih fokus
- C Memastikan bahan mentah mencukupi
- D Memeriksa produk supaya mengikut standard yang betul

14. Rajah 2 adalah jenis saluran agihan



Rajah 2

Apakah jenis barang yang sesuai menggunakan saluran agihan ini?

- A Barang yang tidak tahan lama
  - B Barang yang berjenama
  - C Barang tempahan khas
  - D Barang keperluan harian
15. Pernyataan manakah menerangkan tujuan bahagian fungsian pentadbiran?
- A Merancang kewangan organisasi
  - B Menjalankan aktiviti sokongan
  - C Mencetak katalog
  - D Merekrut pekerja
16. Maklumat di bawah berkaitan dengan bahagian fungsian dalam organisasi perniagaan.

- Membeli bahan mentah
- Menyediakan sebut harga

Apakah bahagian fungsian yang terlibat?

- A Pembelian
- B Pengeluaran
- C Pemasaran
- D Pengagihan

17. Maklumat berikut berkaitan pembangunan produk baharu.

Prototaip digunakan untuk mengenal pasti penerimaan pengguna terhadap produk yang dibangunkan.

Apakah peringkat pembangunan produk tersebut?


- A Ujian pemasaran
- B Penyaringan idea
- C Analisis perniagaan
- D Pengujian konsep

18. Antara yang berikut, organisasi luar yang manakah mempunyai hubungan dan interaksi dengan sesebuah organisasi?

- I Bank
- II Agensi kerajaan
- III Perunding insurans
- IV Peguam

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

19. Rajah 3 merupakan proses komunikasi.



Rajah 3

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Saluran	Gangguan
B	Gangguan	Maklum balas
C	Maklum balas	Saluran
D	Saluran	Maklum balas

20. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kemahiran keboleherjaan yang dimiliki oleh seorang pekerja?

- I Kelayakan yang bersesuaian
- II Kecekapan menjalankan tugas
- III Tempat pengajian
- IV Berpengetahuan tentang produk dan perkhidmatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

21. Maklumat berikut berkaitan peranan pengurusan sumber manusia.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan</li><li>• Amalan kerja yang beretika</li></ul> |
|---|

Apakah aplikasi yang sesuai digunakan?


- A Pemantapan budaya profesional
- B Latihan peningkatan kemahiran
- C Menggalakkan inovasi
- D Prestasi pasukan

22. Antara yang berikut, manakah bentuk hukuman yang boleh dikenakan kepada pekerja yang selalu datang lambat ke tempat kerja?

- I Sesi kaunseling
- II Potongan gaji
- III Amaran lisan
- IV Dihantar kursus

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

23. Rajah 4 berkaitan peringkat pengurusan dalam organisasi.



Rajah 4


Siapakah Y dan Z?

	Y	Z
A	Pengarah urusan	Pengurus pembelian
B	Penyelia operasi	Pengurus jualan
C	Pengurus pemasaran	Penyelia ICT
D	Pengurus sumber manusia	Pengurus besar

24. Apakah contoh jenis sumber fizikal ?

- A Reka bentuk KLCC
- B Kamera litar tertutup
- C Video animasi
- D Nota muzik

25. Gambar 1 menunjukkan reka cipta sebuah kereta.



Gambar 1

Apakah prosedur mengurus bagi reka cipta tersebut?

- A Hak cipta terpelihara
- B Harta intelek
- C Lesen perisian
- D Paten

26. Antara yang berikut, manakah yang merupakan modal perniagaan?

- I Wang tunai
- II Inventori
- III Insurans
- IV Gaji

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

27. Gambar 2 berkaitan sumber pembiayaan.



Gambar 2

Apakah jenis pembiayaan yang sesuai dengan gambar tersebut ?

- A Pajakan
- B Overdraf
- C Sewa beli
- D Pemfaktoran

28. Apakah kelemahan utama sumber pembiayaan daripada agensi kerajaan?

- A Pinjaman terhad
- B Memerlukan penjamin
- C Memerlukan cagaran
- D Kerenah birokrasi

29. Maklumat berikut diambil daripada penyata kewangan Syarikat Juara Sdn Bhd.

<b>Butiran</b>	<b>RM</b>
Jualan	25 000
Kos jualan	20 000
Stok awal	6000
Stok akhir	4500
Modal awal	45 000

Hitung pusing ganti stok syarikat tersebut.

- A 2.38 kali
- B 3.33 kali
- C 3.81 kali
- D 4.76 kali

30. Apakah analisis nisbah asas yang digunakan oleh seorang usahawan apabila membuat keputusan untuk melabur?

- A Pulangan atas modal
- B Margin untung kasar
- C Pusing ganti aset
- D Untung tokokan

31. Maklumat berikut diperoleh daripada Kunci Kira-Kira Mouna Enterprise.

Mouna Enterprise Kunci Kira-Kira Pada 31 Disember 2019		
	RM	RM
Aset Semasa:		
<b>X</b>	2 000	
Stok	8 000	
Akaun belum terima	2 000	
Bank	<u>28 000</u>	40 000

Apakah X?

- A Ambilan
- B Tunai
- C Pinjaman
- D Kenderaan

32. Apakah tanggungjawab peniaga setelah memperoleh borang D?

- A Menggantungi sijil
- B Memulakan perniagaan
- C Mencetak kad perniagaan
- D Mencari pembekal bahan mentah

33. Maklumat yang berikut berkaitan ciri-ciri keperibadian usahawan.

Berkebolehan untuk menukar strategi sesuai dengan perubahan ekonomi.

Apakah ciri keperibadian usahawan tersebut?

- A Fleksibel
- B Berinisiatif
- C Bertanggungjawab
- D Kreatif

34. Maklumat berikut berkaitan dengan kekuatan diri usahawan.

- Mempunyai kebolehan bekerja dalam kumpulan
- Kemahiran membuat keputusan

Apakah kekuatan yang dimiliki usahawan tersebut ?

- A Perhubungan yang baik dengan pasangan
- B Pembangunan karakter diri
- C Fokus tenaga dan tumpuan
- D Keupayaan membina jenama

35. Pernyataan manakah benar tentang stok bergerak perlahan?

- A Stok yang perlu ditempah dengan kerap
- B Mudah dijual kerana stok berharga murah
- C Stok berisiko ketinggalan zaman jika tidak laku
- D Permintaan stok oleh pelanggan adalah tinggi

36. Perniagaan manakah yang tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?

- A Koperasi Berjaya Felda
- B Syarikat Kekaboo Berhad
- C Perniagaan Mercu PLT
- D Klinik Aina & Abdul

37. Antara yang berikut, manakah susunan prosedur pendaftaran perniagaan yang betul?


- I Membayar RM 60 menggunakan nama tred
- II Mengisi borang PNA.42
- III Memperoleh borang D
- IV Menghantar borang ke SSM

- A II, IV, I dan III
- B I, II, III dan IV
- C IV, III, II dan I
- D III, I, IV dan II

38. Apakah dokumen bagi belian secara kredit?

- A Resit
- B Invois
- C Nota debit
- D Penyata bank

39. Maklumat berikut berkaitan kaedah promosi.



Apakah L?

- A Publisiti
- B Pemasaran
- C Pengiklanan
- D Promosi jualan

40. Maklumat manakah yang terdapat dalam rancangan operasi?

- A Susun atur ruang bangunan
- B Senarai alatan pejabat
- C Carta organisasi
- D Promosi

**KERTAS SOALAN TAMAT**